

Amerika langgar prinsip kemanusiaan

KOMUNITI Antarabangsa tanpa rasa pilih kasih atau berat sebelah, perlu menjadikan Amerika Syarikat bertanggungjawab terhadap jenayah perang yang dilakukan, kata bekas Duta Iraq ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Dr Saeed H Al-Musawi.

Beliau berkata, meskipun matlamat ke arah itu masih jauh tetapi tidak mustahil dicapai.

Katanya, kekejaman Amerika Syarikat terhadap Iraq sebenarnya keganasan terhadap manusia dan prinsip kemanusiaan.

"Kesepaduan dalam menyokong kebangkitan Iraq akan mempercepatkan tumbangnya hegemoni Amerika Syarikat dalam hal ehwal antarabangsa, yang akan membuka laluan untuk lebih banyak orde dunia pelbagai hala," katanya dalam kertas kerja *'Kebangkitan Iraq: Membina Keamanan Dengan Menubangkan Keganasan'* pada persidangan antarabangsa Dedahkan Jenayah Perang-Jenayahkan Perang, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Beliau berkata, institusi antarabangsa perlu melalui satu

beentuk reformasi bagi menjadikannya kebal daripada manipulasi negara kuat, untuk memastikan hasrat baik institusi berkenaan tercapai.

"Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu melaksanakan peranannya sebagai alat mengekalkan keamanan antarabangsa, bukan sebaliknya. Reformasi Majlis Keselamatan tidak harus terhad kepada memperkembangkan keahliannya.

"Memperbaiki prosedur dan proses membuat keputusan adalah penting. Majlis Keselamatan yang demokratik dan bertanggungjawab adalah jaminan terhadap usaha memerangi keganasan," katanya.

Beliau berkata, menyebar luaskan budaya aman adalah elemen penting dalam menghalang peperangan.

Rakyat yang cintakan keamanan, katanya, boleh menghalang kerajaan masing-masing daripada terbabit dalam kancah peperangan.

"Rakyat Amerika Syarikat yang bangkit menentang perang di Vietnam adalah faktor penting yang berjaya menamatkan perang itu," katanya.